



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

CIDB PERKENAL LENCANA ANGGOTA PENGUATKUASA CIDB UNTUK ELAK PENYAMARAN

CIDB mengingatkan kontraktor supaya berhati-hati dengan sebarang penyamaran sebagai anggota penguatkuasa CIDB Malaysia

Kuala Lumpur, (20 Januari 2022): Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia hari ini memperkenalkan lencana anggota penguatkuasa CIDB bagi menyiapsiagakan keterampilan anggota penguatkuasa dan sebagai pengesahan anggota adalah pegawai penguatkuasa yang dilantik. Ia juga bertujuan mengawal selia anggota sedia ada dari pihak luar membuat penyamaran atau penipuan. Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid telah menyerahkan lencana tersebut kepada anggota penguatkuasa CIDB pada Majlis Amanat Ketua Eksekutif Tahun 2022. Selain lencana, anggota penguatkuasa juga dibekalkan dengan Kad Kuasa CIDB yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan bagi memastikan kad kuasa tersebut tidak boleh dipalsukan atau dipindah milik. Hanya mereka yang boleh menunjukkan lencana dan Kad Kuasa CIDB sahaja boleh melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan di tapak pembinaan di bawah Akta 520.

CIDB menasihatkan penggiat industri pembinaan terutama kontraktor agar berhati-hati dan tidak terpedaya dengan mana-mana individu yang mendakwa sebagai anggota penguatkuasa CIDB yang meminta sejumlah bayaran tunai bagi tujuan pembayaran kompaun bagi kesalahan berkaitan dengan kerja-kerja pembinaan. Semua urusan rundingan kompaun perlu dilakukan di pejabat CIDB.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi CIDB Careline di talian 03-5567 3300.

#####

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
